



KENANGAN...Dr Geoffrey merakam kenangan bersama Exco Ekspo APK 2015.

Mahasiswa perlu aplikasi ilmu ke dunia luar

NST 15.5.2015 5

LABUAN: Timbalan Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata, mahasiswa perlu mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah ke dunia luar termasuk yang berkaitan kemahiran dan keusahawanan.

Beliau berkata, ilmu yang diberi oleh pensyarah di bilik kuliah seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin, kerana ia amat penting bukan sahaja untuk menguji keupayaan mereka dalam peperiksaan tetapi juga ketika berhadapan masyarakat dan dunia perniagaan.

"Bidang keusahawanan adalah antara yang mampu memberi pulangan yang lumayan kepada mahasiswa selepas menamatkan pengajian kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) UMSKAL 2015 di lot parkir utama universiti, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Dr Zamhar Iswandono Ismail, dua orang Penyelaras Expo APK 2015 Shamsulbahri Mohd Nasir dan Chua Chee Kiat dan Pengarah Program, Logananthiny A/P Kumaraguru.

Pada majlis itu, Dr Geoffrey menyampaikan hadiah kepada pemenang sajian masakan terbaik dan hiasan gerai terbaik.

Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) 2015 dianjurkan pelajar Tahun Dua Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 9 dan 10 Mei



CERIA... para pelajar melahirkan kegembiraan selepas memenangi sajian terbaik pada APK 2015.

lalu. Sebanyak 36 gerai makanan yang bertemakan sajian dan cita rasa makanan dan masakan tempatan serta makanan yang bertemakan Negara-negara antarabangsa seperti Korea, Filipina, Australia, China, Sweden dan Itali selain Malaysia telah mengambil bahagian.

Seramai 511 pelajar tahun 2 Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) terbabit dengan APK pada tahun ini.

Dr Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar yang membina

Menara Botol itu yang menjadi kebanggaan sekaligus mempromosikan UMSKAL ke peringkat global dan glocal.

"Kejayaan itu membuktikan mahasiswa UMSKAL juga memiliki kemahiran dan kesungguhan serta komitmen hasil kebijaksanaan pensyarah dan kerjasama pelbagai pihak," katanya.

Sementara itu, pengunjung turut mengambil peluang untuk bergambar berlatarbelakangkan Menara Botol setinggi 18.27 meter yang dibina dengan 12,000 botol oleh 30 pelajar yang telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**